

03 APR 2001

OPP3-RAFIDAH

SEKTOR PEMBUATAN BOLEH CAPAI SASARAN PERTUMBUHAN 8.3 PERATUS

KUALA LUMPUR, 3 April (Bernama) -- Sektor pembuatan boleh mencapai pertumbuhan tahunan 8.3 peratus seperti yang disasarkan dalam Rangka Rancangan Jangka Panjang (RRJP3) antara 2001 dan 2010, hasil daripada langkah-langkah padu yang digariskan dalam RRJP3 itu, kata Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz, di sini hari ini.

Beliau berkata sasaran itu boleh dicapai dengan meningkatkan pelaburan dalam negeri, mengekal dan meningkat kemajuan pelaburan langsung asing (FDI) dan meneroka bahagian pertumbuhan baru dan bahagian berkaitan pembuatan.

"Ia memerlukan usaha-usaha padu seperti yang digariskan dalam RRJP3 serta daripada bahagian pengeluaran dan pemasaran," katanya kepada pemberita selepas Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad membentangkan RRPJ3 di Dewan Rakyat.

Rafidah juga berkata terdapat keperluan bagi perkongsian rapat antara kerajaan dan sektor swasta untuk mencapai sasaran pertumbuhan itu.

"Kami (kerajaan) akan bekerjasama rapat dengan sektor swasta untuk memastikan apa juga usaha yang mereka lakukan untuk diri sendiri atau dalam industri, seimbang dengan apa yang diperlukan dalam pasaran yang serba mencabar," katanya.

"Mereka (sektor swasta) harus berusaha sejajar dengan langkah pertumbuhan yang diunjurkan. Jika mereka tidak melabur dalam perkara yang betul, jika mereka tidak menumpukan kepada bahagian yang betul dalam rantaian nilai pembuatan atau melaksanakan strategi pasaran dengan baik, kita mungkin tidak akan berjaya dalam penggunaan sumber," katanya.

Apabila ditanya mengenai kesediaan industri pembuatan untuk meneruskan kelangsungan hidup tanpa sebarang "perlindungan", Rafidah berkata perlindungan itu ketika ini sangat minimum dan sebahagian besar produk Malaysia adalah kompetitif.

Ini memandangkan kepada hakikat bahawa 96 peratus daripada tarif Malaysia dalam Asean sudahpun berada di bawah lima peratus ketika ini dan 60 peratus daripada duti tarif adalah sifar, katanya.

"Jadi secara logiknya, mereka boleh bertahan dengan kemasukan import. Bagi yang selebihnya, yang masih lagi dilindungi, mereka harus menaikkan taraf teknologi mereka, meningkatkan taraf sumber daripada segi kecekapan, produktiviti dan menurunkan kos mereka," katanya.

Rafidah berkata, industri pembuatan Malaysia tidak seharusnya sekadar "hanya membicarakan mengenai operasi dalam pasaran domestik dan persaingan antara satu sama lain."

Mereka sepatutnya mengembangkan kegiatan ke pasaran lain dan menjadi lebih kompetitif di sana, katanya.

"Pasaran yang lebih besar berada di luar dan bukan di Malaysia," katanya,

Dalam membentangkan RRJP3, Dr Mahathir berkata dalam mengenalpasti cabaran yang bakal muncul daripada globalisasi, dasar-dasar pembangunan negara akan dihalakan ke arah membina negara yang kompetitif dan berdaya saing.

"Ia tidak lagi mungkin untuk menggunakan sempadan negara bagi melindungi produk kualiti rendah dan berharga tinggi dalam pasaran domestik," katanya.

"Kita, rakyat Malaysia perlu lebih berdisiplin dan cekap dalam apa juga

yang dilakukan untuk menghasilkan barangan dan perkhidmatan yang boleh
bersaingan di pasaran global," kata Perdana Menteri. -- BERNAMA
LES FR ZK